



KSSR

Pemahaman

BAHASA MALAYSIA TAHUN 3

MASA : 50 minit

MARKAH : /100

Jawab semua soalan. Tiap tiap soalan diikuti empat jawapan pilihan A, B, C, dan D atau tiga jawapan pilihan A, B, dan C. Antaranya ada satu saja jawapan yang betul. Pilih jawapan itu.

1.



Air di dalam ____ itu masih panas kerana dijerang sebentar tadi.

- A. periuk
- B. sudu
- C. cerek

2. Ayah mempunyai ____ membaiki motosikal yang rosak.

- A. kebolehan
- B. kepintaran
- C. kefasihan
- D. kecekapan

3. Encik Ali ____ apabila melihat pencuri memasuki rumahnya.

- A. terpegun
- B. terperanjat
- C. terpaku
- D. terkedu

4. Ibu ____ juadah istimewa kepada tetamunya.

- A. menghidangkan
- B. menghidangi
- C. hidangan
- D. hidangan

5.



Kamal memasuki pertandingan ____

- A. ninja
- B. judo
- C. taekwondo
- D. silat

6. Kami ____ melihat kecekapan gadis yang cacat itu menggunakan mulut untuk menulis.

- A. terpegun
- B. terleka
- C. terkedu

7.



Pokok kelapa itu telah ____ bumbung dapur rumah Pak Kassim.

- A. menghentam
- B. menimpa
- C. menghempap
- D. menghentak

8. Kami membeli beberapa ____ mata kail untuk memancing di sungai belakang rumah atuk.

- A. butir
- B. biji
- C. bentuk

9. Lelaki itu kelihatan _____ bertali leher.

- A. cantik C. lawa
B. tampan D. anggun

10.



Rahim sedang mencuci kereta _____ abangnya menyiram pokok bunga.

- A. atau C. tetapi
B. manakala D. walaupun


11. Pertandingan hoki disertai oleh lapan _____ dari sepuluh buah sekolah dalam Zon Gelang Patah.

- A. pasukan C. sekawan
B. buah D. gerombolan

12. Filem Bujang Lapok diarahkan oleh _____ P. Ramlee.

- A. budayawan C. seniman
B. sasterawan D. karyawan

13.



Haikal leka memerhati lembu datuknya _____ rumput.

- A. meragut
B. ragut
C. meraguti
D. ragutan

14. Azman Adnan _____ bola ke dalam gol pasukan Indonesia.

- A. memukul
B. menolak
C. membaling
D. menendang

15.



Murid - murid bergotong-royong _____ pokok bunga di kawasan sekolah.

- A. menanam C. ditanam
B. menanami D. ketanaman

16. Kami melawat Cikgu Ali di hospital kerana beliau sakit _____.

- A. tenat C. penat
B. keras D. sesak

17. Hakimi _____ tentang kehilangan wangnya kepada Cikgu Juliana.

- A. menulis C. mencatatkan
B. menyatakan D. memberitahu

18.



"_____ bermain di dalam makmal komputer ini,"kata Cikgu Asmah.

- A. Harap C. Tolong
B. Jangan D. Sila

19. Adik membantu ibu _____ kain di ampaian.

- A. menjemur C. mengantung
B. sidai D. meletak

Soalan 20

Pilih kata seerti yang betul.

20.



Kami bersantai di tepi Pantai Batu Buruk selama dua hari.

Perkataan seerti bagi bersantai ialah

- A. berehat C. duduk
B. termenung D. bekerja

Soalan 21

Pilih jawapan yang sesuai bagi pertanyaan di bawah.

21. Siapakah lelaki bertali leher itu?
- A. Lelaki bertali leher itu segak orangnya.
 - B. Lelaki bertali leher itu tinggi.
 - C. Lelaki bertali leher itu guru saya.
 - D. Lelaki bertali leher tinggal di sebelah rumah saya.

22.



Pilih simpulan bahasa yang sesuai berdasarkan gambar.

- A. panjang tangan
- B. panjang leher
- C. panjang mulut
- D. panjang kepala

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

23. Cikgu Jolly berada di makmal komputer.
- A. Mengapakah Cikgu Jolly berada di makmal komputer?
 - B. Bagaimanakah keadaan Cikgu Jolly?
 - C. Di manakah Cikgu Jolly berada?
 - D. Apakah yang dilakukan oleh Cikgu Jolly?
24. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan yang bergaris dengan betul.
- I Jamil suka membaca buku pada masa longgar.
 - II Kawalan keselamatan di pasar raya itu agak longgar.
 - III Seluar yang ibu beli agak longgar.
 - IV Cuaca hari ini sangat longgar.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. I dan IV

25. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- I Sekolah saya tepat berada di tepi jalan.
 - II Seorang saja murid yang dapat menjawab soalan dengan tepat.
 - III Ibu tidak dapat mencari rumah kawannya kerana alamat yang diberi tidak tepat.
 - IV Tolong hantar buku yang dipinjam tepat pada waktunya.
- A. I dan II
 - B. II dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. III dan IV

Soalan 26 dan soalan 27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

26. "Tolong hantarkan buku ini ke perpustakaan", kata Guru Besar kepada Danial.
- A. Guru Besar menyuruh Danial menghantar buku ke perpustakaan.
 - B. Danial diminta oleh Guru Besar ke perpustakaan.
 - C. Guru Besar dan Danial menghantar buku di perpustakaan.
 - D. Guru Besar memberitahu bahawa Danial menghantar buku ke Perpustakaan.
27. "Jemput masuk ke dalam rumah," kata ibu kepada Mak Limah.
- A. Mak Limah masuk ke dalam rumah.
 - B. Ibu menjemput Mak Limah masuk ke dalam rumah.
 - C. Mak Limah menjemput mak ke dalam rumah rumah.
 - D. Ibu menjemput rumah ke dalam Mak Limah.

Soalan 28 hingga soalan 30

Pilih ayat yang betul.

28. I Kakak membeli sekilo gula di pasar itu.
- II Hujan kerap dilanda kampung itu.
 - III Air longkang itu malas mengalir.
 - IV Ibu menyiram pokok bunga di halaman rumah.
- A. I dan III
 - B. I dan IV
 - C. I, II dan III
 - D. I, II dan IV

29. I Sila letak suratkhbar ini meja kaca.
 II Pak Ali minum air paip kerana terlalu dahaga.
 III Kapal terbang itu telah berlepas ke Jakarta.
 IV Lawatan ke Langkawi akan diadakan pada minggu depan.
 A. I dan II C. II dan III
 B. II,III dan IV D. IV sahaja

30. I Hamid suka menonton radio.
 II Dani bermain badminton bersama rakan-rakannya.
 III Fatin ialah anak tunggal Datuk Jaafar.
 IV Kamal telah minum seulas tembikai.
 A. I dan II
 B. III dan IV
 C. II dan III
 D. II dan IV

Soalan 31 hingga 35

Baca berita di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan berikutnya.

Pasir Mas, 12 Februari - Satu pameran pendidikan telah diadakan di Majlis Daerah Pasir Mas. Pameran ini dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan. Pelbagai jenis buku dipamerkan termasuk buku cerita, buku pelajaran dan buku rujukan. Pameran ini diadakan selama dua minggu dan dibuka dari pukul 9.30 pagi hingga 6.00 petang pada setiap hari. Tiada bayaran dikenakan.

Peraduan melukis juga telah diadakan. Peraduan ini diadakan dalam dua kategori, iaitu bagi murid sekolah rendah dan sekolah menengah. Peralatan melukis disediakan. Pemenang peraduan ini menerima hadiah wang tunai dan satu set buku cerita.

Potongan harga diberikan kepada murid-murid sekolah. Sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan. Pameran ini dapat menggalakkan minat membaca di kalangan murid sekolah.

31. Di manakah pameran pendidikan telah diadakan?
 A. Di Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Mas
 B. Di Majlis Daerah Pasir Mas
 C. Di Pejabat Pelajaran Negeri
 D. Di Dewan Sekolah Kebangsaan Sultan Ibrahim I
32. Berdasarkan petikan, maksud perkataan **peraduan** ialah....
 A. pertunjukan C. pertandingan
 B. pameran D. uji bakat
33. Berapa lamakah pameran ini diadakan?
 A. 14 hari C. 13 hari
 B. 7 hari D. 15 hari
34. Bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap pameran ini?
 A. Dingin
 B. Memuaskan
 C. Sangat menggalakkan
 D. Kurang mendapat sambutan
35. Semua pernyataan berikut benar **kecuali**
 A. pameran dirasmikan oleh pengarah Pendidikan Kelantan
 B. semua yang hadir mendapat buku secara percuma
 C. tiada bayaran masuk
 D. pameran itu dibuka kepada orang ramai.

Soalan 36 hingga soalan 40

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

JOHOR BAHRU, Sabtu – Sekolah Kebangsaan Bandar Selesa Jaya 2 telah mengadakan lawatan ke Hutan Bandar yang terletak di Bandar Raya Johor Bahru semalam.

Lawatan tersebut diadakan oleh Kelab Alam Sekitar dan penyertaan hanya dibuka kepada murid-murid tahap dua sahaja. Lawatan yang disertai oleh tiga puluh orang murid dan tiga orang guru pengiring itu bertujuan memperkenalkan pelbagai jenis flora dan fauna yang terdapat di Hutan Bandar tersebut.

"Lawatan ini memberi peluang kepada kami untuk mengenali spesies flora dan fauna yang terdapat di sini. Kami juga dapat melihat dan mengenali bunga orkid yang pelbagai nama dan warna," kata Iskandar Jehan.

Iskandar Jehan juga menyeru orang ramai agar mengekalkan keindahan dan menjaga kebersihan alam supaya kita dapat hidup dalam keadaan sihat.

36. Ke manakah Sekolah Kebangsaan Bandar Selesa Jaya 2 mengadakan lawatan?
- A. Air Terjun Kota Tinggi
 - B. Teluk Danga
 - C. Hutan Bandar
 - D. Zoo Negeri
37. Siapakah yang menganjurkan lawatan itu?
- A. Kelab Alam Sekitar
 - B. Guru Besar
 - C. Pihak Hutan Bandar
38. Perkataan spesies sama ertinya dengan perkataan
- A. kumpulan
 - B. jenis
 - C. golongan
 - D. puak
39. Lawatan ini hanya terbuka kepada murid
- A. tahap dua dan tahap satu
 - B. tahap dua
 - C. tahap satu
40. Iskandar Jehan mungkin sekali
- A. guru pengiring
 - B. penjaga Hutan Bandar
 - C. peserta lawatan
 - D. peniaga di kawasan tersebut